

## Islamisasi di Alam Melayu : Kesan dan Pengaruh dalam Aspek Pendidikan

**Suliah Mohd Aris**

Pensyarah ACIS, UiTM Selangor, e-mail : [su6358@yahoo.com.my](mailto:su6358@yahoo.com.my)

**Baterah Alias**

Pensyarah Kanan ACIS, UiTM Selangor, e-mail : [baterah\\_alias@yahoo.com](mailto:baterah_alias@yahoo.com)

**Safinaz Abdul Samat**

Pensyarah ACIS, UiTM Selangor, e-mail : [safinaz\\_as@yahoo.com](mailto:safinaz_as@yahoo.com)

**Fadhilah Adibah Ismail**

Pensyarah ACIS, UiTM Selangor, e-mail : [fadhilah97@salam.uitm.edu.my](mailto:fadhilah97@salam.uitm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Islam adalah agama universal dari Allah SWT untuk semua umat manusia. Ia telah mula tersebar di Alam Melayu sejak abad ke 7M lagi. Kehadirannya ke sini telah membawa sinar baru yang mengubah jiwa dan wajah masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk melihat proses islamisasi ke Alam Melayu meliputi teori kedatangan Islam dan faktor pemungkin penyebaran Islam serta kesan kedadangannya dengan memberi fokus perbincangan terhadap aspek pendidikan. Artikel ini akan menganalisis faktor kecemerlangan intelektual di zaman ini sehingga melahirkan pelbagai tokoh-tokoh ilmuan dan karya-karya ilmiah seterusnya memberi impak yang besar terhadap pemikiran dan gaya hidup masyarakat di Alam Melayu. Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini ialah dengan menganalisa buku-buku dan kertas kerja yang berkaitan. Hasil perbincangan mendapati faktor kepesatan aktiviti keilmuan di Alam Melayu didokong oleh pelbagai faktor sehingga secara keseluruhannya telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan pemimpin tetapi juga rakyat jelata. Secara tidak langsung, kepesatan aktiviti keilmuan ini memainkan peranan penting dalam usaha penyebaran ajaran Islam ke seluruh pelusuk Nusantara yang dapat dirasai kesannya sehingga kini.

Kata Kunci: Islamisasi, Alam Melayu, pendidikan

### **PENDAHULUAN**

Islam adalah agama universal yang datang dari Allah SWT untuk semua manusia. Ianya memberi sinar kepada manusia di dalam mencorakkan tamadun ke arah kesempurnaan dengan panduan wahyuNya di samping tidak mengeneplikan peranan akal manusia itu sendiri. Sinar Islam ini turut dirasai oleh penduduk di Alam Melayu sejak abad ke 7M dan seterusnya berkembang pesat abad demi abad dengan disokong

oleh beberapa faktor pemungkin islamisasi. Kefahaman ajaran Islam sebenar yang dipelajari melalui pendidikan samada secara formal dan tidak formal telah berjaya mengubah pemikiran dan gaya hidup masyarakat Melayu.

## KONSEP TAMADUN MELAYU

Tamadun Melayu merupakan sebuah tamadun yang dibentuk oleh sekelompok manusia yang digolongkan secara luas sebagai kumpulan orang-orang Melayu dan bertempat di suatu wilayah di Asia Tenggara yang dikenali dengan pelbagai nama seperti Gugusan Kepulauan Melayu, gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Alam Melayu dan Tanah Jawi. (TITAS UM, 2004) Sebelum Perang Dunia II, kawasan ini dirujuk sebagai Asia of the Monsoons, East Indias dan juga Further India atau Hindia Jauh. (Azam Hamzah, 1997) Istilah Melayu boleh ditakrifkan berdasarkan rumpun bangsa dan bahasanya iaitu Melayu. Tergolong dalamnya cabang Melayu-Indonesia bersama-sama suku Jawa, Sunda, Madura, Aceh, Minangkabau, Bajau, Murut, Bugis, Sasak, Melanau, Iban, Sulu dan sebagainya. (TITAS UM, 2004)

## KEDATANGAN ISLAM DAN PENGARUHNYA KE ATAS TAMADUN MELAYU/ ALAM MELAYU

Terdapat pelbagai teori yang diutarakan oleh sejarawan mengenai kedatangan Islam ke Alam Melayu. Para sejarawan tempatan berkenderungan mengatakan Islam telah datang ke sini sejak abad ke-7 M iaitu secara langsung dari Tanah Arab, manakala majoriti sejarawan Barat pula menyatakan pada penghujung abad ke-13M dan di sepanjang abad ke-14M iaitu pada kira-kira tahun 1292 hingga 1390M berdasarkan teori Islam dari India dan China. (Azam Hamzah, 1997)

Secara umumnya terdapat tiga teori mengenai kedatangan Islam ke Alam Melayu. Pertama teori dari India. Teori ini dipelopori oleh Snouck Hurgronje yang kemudian mendapat sokongan dari kebanyakan sejarawan orientalis seperti R.O.Winstedt, B.Harrison, Mouquette, D.G.E.Hall, J. Gonda, Morrison, Bousquet, Vlekke dan sebagainya. Snouck menyatakan di dalam bukunya Islam di Hindia Belanda bahawa:

"...Setelah sebahagian bangsa India memeluk Islam, maka orang-orang Islam dari India turut mengambil bahagian lalulintas dan emigrasi di Nusantara, dan mereka itulah yang memasukkan Islam ke wilayah Nusantara."

Di antara hujah mereka ialah batu-batu nisan awal yang dijumpai di Alam Melayu telah diimport dari Kambay (Kembayat) Gujerat, peranan penting yang dimainkan oleh pedagang-pedagang Gujerat di Kepulauan Melayu dan tradisi kesusasteraan Melayu lebih mirip kepada tradisi India Islam. Selain dari itu, mereka juga bergantung dari catatan pengembara yang pernah melawat Alam Melayu sekitar abad ke-13 dan 14M seperti Marco Polo dan Ibn Batutah. Dalam catatan Marco Polo menyebutkan bahawa beliau menyaksikan penduduk Perlak telah memeluk Islam sedangkan penduduk Samudera lain masih belum Islam ketika singgah di Sumatera pada tahun 1292M. Manakala catatan Ibn Batutah pula menyebutkan beliau telah melawat Pase (Pasai) pada 1345M di mana penduduknya ketika itu beragama Islam. (Azam Hamzah, 1997). Hujah golongan ini dikukuhkan lagi apabila terjumpanya makam Sultan Malik al-Salleh, pemerintah Pasai yang disebut dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Raja-raja Pasai sebagai pemerintah I di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-13M. Perjumpaan tersebut menyakinkan mereka bahawa Islam hanya tersebar di Alam Melayu pada sekitar abad tersebut. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Sebenarnya teori mereka ini mempunyai banyak kelemahan malah kajian terkini mempunyai hujah yang lebih kukuh dalam menyatakan interaksi Alam Melayu dengan Tanah Arab telah berlaku sebelum lahirnya Islam lagi. Menurut Abdul Rahman Haji

Abdullah dalam bukunya *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara* kelemahan terbesar pendukung teori ini ialah pada anggapan mereka bahawa agama Islam di Alam Melayu hanya bertapak pada abad ke-13, sedangkan ianya telah bertapak sejak abad pertama hijrah lagi iaitu sejak 7M lagi. Walaubagaimanapun tidaklah dinafikan para mubaligh dari India turut memainkan peranan aktif dalam proses islamisasi di sini terutama pada abad ke-13. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990)

Teori kedua pula teori dari China dan Champa. Teori ini dibahaskan oleh Prof. S.Q. Fatimi dalam bukunya *Islam Comes to Malaysia*. Pendapat beliau ini berdasarkan perpindahan beramai-ramai orang Islam dari Canton sekitar tahun 876M (atau 878) akibat pemberontakan yang mengorbankan seramai 100,000 hingga 150,000 orang Islam. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996) Pemberontakan tersebut terjadi akibat tanggapan penduduk tempatan bahawa kedudukan yang kukuh di kalangan masyarakat Arab-Islam yang ramai bermastautin di situ boleh mengancam ekonomi dan keselamatan masyarakat Cina. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990). Impak peristiwa hitam ini mereka yang terselamat telah berhijrah ke Kepulauan Melayu sebagaimana menurut S.M. Naquib mereka telah berhijrah ke Kedah dan Palembang. Selain itu terdapat juga yang berhijrah ke Champa, Brunei, pantai timur Tanah Melayu (Patani, Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan Jawa Timur. Penghijrahan mereka ini memberi kesan di dalam penyebaran Islam di kawasan-kawasan tersebut. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Terdapat kemungkinan kebenaran teori ini berdasarkan beberapa bukti tempatan seperti penemuan batu nisan seorang wali Allah berketurunan Arab bertarikh 419H (1028M) ditemui di Pekan Pahang yang mengandungi tulisan ayat al-Quran. Selain itu bukti yang paling terkenal ialah Batu Bersurat yang dijumpai di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 702H (1303M) yang mengandungi tulisan mengenai kewajipan mematuhi hukum Allah SWT seperti hukuman bagi pesalah zina dan sebagainya. Selain kesan di pantai timur Semenanjung, terdapat juga bukti pertapakan Islam di Kedah. Bukti pertama terjumpanya batu nisan di Langgar, Kedah yang diukir nama Syeikh Abdul Qadir ibn Husain Syah Alam bertarikh 219H (903M). Bukti kedua pula pada tahun 1136 datang seorang Arab bernama Syeikh Abdullah Yamani yang telah berjaya mengislamkan Maharaja Drebar Raja II pemerintah Kedah dengan nama Islamnya Sultan Muzaffar Syah. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990) Selain dari bukti-bukti tersebut terdapat bukti lain iaitu batu nisan seorang puteri Islam di Brunei bertarikh 1048M, batu nisan Fatimah bt. Maimun bin Hibat Allah di Leran dan Jawa Timur bertarikh 1082M. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Selain dari itu, bukti yang jelas bagi pendokong teori ini ialah kesediaan China memberi naungan kepada kerajaan Islam melalui hubungan diplomatik yang erat. Di samping itu juga bukti senibina terutama dalam senibina masjid yang mirip berbentuk pagoda di Melaka dan di Jawa Indonesia. (Wan Abdullah Hj Wan Mahmood & Dra Wista Ahmad, 1997)

Terdapat juga di kalangan sejarawan yang menekankan Indo-China sebagai tempat asal penyebaran Islam di Alam Melayu. Islam dikatakan telah berkembang di Champa, Kemboja sejak abad ke-8M lagi. Penduduk Alam Melayu pula dikatakan telah berinteraksi dengan negara ini sejak abad ke-7M lagi menerusi penaklukan dan perkahwinan terutamanya antara keluarga diraja. Bukti hujah mereka ialah penemuan beberapa batu nisan yang mempunyai tulisan Arab bertarikh 1039M dan sebuah batu peringatan bertarikh 1025M yang mencatatkan beberapa hukum-hukum Islam ditemui di sana. (Azam Hamzah, 1997)

Walaupun bukti-bukti yang dikemukakan tersebut agak menyakinkan, tidaklah bermakna Islam hanya baru diperkenalkan di Alam Melayu pada waktu itu kerana

terdapat bukti wujudnya penempatan orang Islam di kawasan ini terutama di bahagian utara Sumatera lebih awal dari tarikh-tarikh tersebut. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Teori yang seterusnya ialah teori yang menyatakan Islam disebarluaskan terus dari Tanah Arab ke Kepulauan Melayu. Teori ini mendapat sokongan ramai masa kini kerana mempunyai asas yang lebih kukuh.(Mahayudin Hj Yahaya,1996) ia didokong oleh kebanyakan sarjana Alam Melayu seperti Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, Prof Dr. Hamka, Prof Caesar Adib Majul dan sebagainya yang kemudiannya turut disokong oleh sarjana Barat seperti Niemann dan Pijnappel. (Azam Hamzah, 1997)

Teori ini menyatakan Islam dibawa ke sini sejak abad pertama hijrah lagi berdasarkan wujudnya aktiviti perdagangan dengan pedagang Arab sejak zaman pra-Islam lagi. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996) Ini menunjukkan pada ketika itu orang Arab telah mengetahui kedudukan dan kepentingan Alam Melayu dan berkemungkinan besar hubungan tersebut berlanjutan selepas kedatangan Islam.

Di dalam membincangkan teori dari Tanah Arab ini Abdul Rahman Haji Abdullah membahagikan kepada tiga peringkat iaitu tahap persinggahan, pertapakan dan penyebaran secara meluas.Kedatangan Islam ke rantau Alam Melayu pada tahap pertama (persinggahan) ialah kerana faktor perdagangan. Menurut Prof. Hamka, orang Arab telah belseyar ke Indonesia sejak sebelum kelahiran Nabi Muhammad saw untuk membeli rempah dan kapur barus yang tidak terdapat di tempat lain kecuali di Sumatera. Selain dari itu, wujud juga hubungan secara tidak langsung antara keduanya apabila pedagang Arab dan Parsi menjalankan kegiatannya di China di mana sepanjang perjalanan, sebahagian daripada mereka telah singgah di pusat perdagangan termasuklah Kepulauan Melayu. (Abdul Rahman Haji Abdullah,1990) Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan catatan I-Tsing seorang pengembara China yang menyebut pada tahun 671M, beliau belseyar dari Canton ke Sumatera dengan sebuah kapal kepunyaan saudagar Arab. Bukti ini menunjukkan berkemungkinan merekalah yang mula-mula mengislamkan penduduk di Alam Melayu ini. (Azam Hamzah, 1997)

Mengenai tarikh bermulanya hubungan dengan negara China tersebut, sebenarnya terdapat rekod Cina menunjukkan seawal abad ke-4 sudah terdapat penempatan orang Arab dan Parsi di negara China. Ini menunjukkan bahawa hubungan tersebut juga telah berlaku sebelum kelahiran Islam lagi.Kepentingan Alam Melayu sebagai kawasan perdagangan bagi orang Arab terus kekal selepas kemunculan Islam pada abad ke-7M. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990) Apabila mereka telah memeluk Islam maka bermulalah pertapakan Islam di kawasan tersebut. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Hujah ini dikuatkan lagi dengan peristiwa `Am al-Wufud atau Tahun Perutusan yang berlaku pada tahun 630M. Dalam peristiwa ini bangsa Arab dari segenap pelusuk telah menyatakan pengislaman mereka terhadap Rasulullah saw yang akhirnya seluru Semenanjung Tanah Arab telah menganut Islam termasuklah Yaman. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990) Pengislaman Yaman sekitar tahun 630-631M di atas usaha Saidina Ali bin Abi Talib ini memberi impak yang besar terhadap proses islamisasi di Alam Melayu kerana sebahagian besar para pedagang yang berdagang ke rantau ini adalah terdiri di kalangan mereka selain dari Hadramaut dan Oman. Merekalah yang menyebarkan Islam semasa persinggahan mereka di sekitar pelabuhan di situ. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Selain dari itu terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa Islam tersebar ke Kepulauan Melayu pada tahun 30H/561M iaitu pada zaman Uthman ibn Affan( 644-656) . Ketika ini utusan rasmi telah dihantar ke China dan disebabkan jangka masa perjalanan mereka memakan masa 4 tahun, mereka turut diutus ke Jawa dan pulau-

pulau di sekitarnya. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990) Sehubungan dengan bukti-bukti di atas, bolehlah diandaikan bahawa orang Arab Islam telah singgah di rantau ini sejak zaman Rasulullah saw dan Khulafa al-Rasyidin lagi iaitu abad ke 7 Masihi.

Tahap Kedua (Pertapakan) pulaberlaku di zaman pemerintahan Bani Umayyah dan Abbasiyyah. Pada tahun 674M iaitu di zaman Muawiyah bin Abi Sufyan, dikatakan sudah terdapat penempatan orang Arab-Islam yang dikenali ta-shih di pantai barat Sumatera dan di Jawa. Menurut catatan sejarah, Muawiyah pernah menghantar utusan ke Jawa dan mengadakan hubungan perdagangan mereka. Selain itu beliau telah mengutus surat kepada Raja Srivijaya di Jambi iaitu Lokitavarman mengajaknya memeluk Islam dan menjalankan hubungan dagang dengan Damsyik. Hubungan tersebut diteruskan oleh Sulaiman bin Abd Malik (715-717M) di mana beliau telah menghantar angkatan yang mengandungi 35 buah kapal ke Muara Sabak di Jambi untuk memonopoli perdagangan lada. Bagaimanapun usaha dakwah dikatakan hanya berjaya semasa pemerintahan Khalifah Umar Abd Aziz (717-720M) di mana beliau telah berjaya mengislamkan raja Srindravarman pengganti Lokitavarnam memeluk Islam pada tahun 718M dan kerajaannya terkenal dengan nama Sribuza Islam. Dikatakan juga pada tahun 726M pula Raja Jay Sima putera Ratu Sima pemimpin Jawa memeluk Islam.

Terdapat juga kegiatan dakwah yang dilakukan oleh orang perseorangan. Akibat pergolakan politik di zaman Bani Umayyah dan Abbasiyyah, golongan Syiah mlarikan diri ke Alam Melayu dan menjalankan kegiatan dakwah di sini. Di zaman pemerintahan Abd al-Malik bin Marwan (685-705M) dikatakan golongan ini telah ada di Kepulauan Sila iaitu di pulau-pulau Sulu, Sulawesi dan Kalimantan. Di zaman al-Makmun pula, satu rombongan dakwah iaitu seramai 100 orang di bawah pimpinan Nakhoda Khalifah telah tiba di Perlak pada 800M yang ketika itu diperintah oleh Meurah Sharh Nuwi daripada keturunan Parsi. Salah seorang pendakwah iaitu Ali bin Muhammad bin Jafar al-Sadiq telah berkahwin dengan adik Meurah Puteri Makhdum Tanshuri. Hasil perkahwinan tersebut lahirlah Sayyid Abd al-Aziz yang menjadi raja pertama Kerajaan Perlak pada tahun 840M dengan gelaran Sultan Sayyid Maulana Abd al-Aziz Syah. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990)

Manakala tahap ketiga (Penyebaran Islam secara meluas) pulaberlaku selepas abad ke13 setelah banyak negara di Alam Melayu memeluk Islam hasil dari proses dakwah dan asimilasi antara para pedagang yang turut bertindak sebagai daie dengan masyarakat tempatan. (Wan Kamariah Leman & Salmah Hussain, 2006) Di tahap ini sebenarnya dunia Islam amnya dan Asia Barat khususnya menghadapi cabaran luaran dan dalaman. Dari segi luaran sejak abad ke-11 hingga ke-13, umat Islam diancam oleh Gerakan Salibiyyah dari Barat yang membangkitkan semangat untuk membebaskan semula Baitul Maqdis dan keruntuhan Baghdad oleh kaum Monggol dari timur pada tahun 1258M. Manakala cabaran dalaman pula ialah kebangkitan kaum Syiah terutama puak ghulah. Cabaran inilah merupakan cabaran yang paling besar bagi umat Islam kerana banyak perselisihan di kalangan sesama umat Islam timbul dan yang paling dahsyat ialah tindakan mereka yang mengundang Hulagu Khan untuk menyerang Baghdad. Walaubagaimanapun dalam kehancuran tersebut, terdirilah kerajaan Ayyubiyyah di Mesir pada tahun 1171M setelah menewaskan kerajaan Fatimiyyah dan kemudiannya muncullah kerajaan Mamluk, kerajaan Turki Uthmaniyyah di Asia Kecil dan kerajaan Delhi dan Monghul di India. Pergolakan politik dalam dunia Islam ini turut memberi impak ke atas proses islamisasi di Alam Melayu dalam bentuk ibadah dan tarekat. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990)

Terdapat beberapa pendakwah yang memainkan peranan di tahap ketiga ini. Di antaranya Syeikh Ismail al-Siddiq telah diutuskan oleh Syarif Makkah dari Tanah Arab ke Alam Melayu dengan disertai Faqir Muhammad dari Malabar. Dalam misi dakwah

tersebut, mereka telah berjaya mengislamkan Barus atau Fansur, Lamri, Haru dan Samudera. Menurut beberapa orang pengkaji sejarah, peranan Syeikh Ismail di sini ialah untuk menukar ajaran Syiah kepada mazhab Shafii yang menjadi mazhab kerajaan Mekah di bawah pemerintahan Mamluk ketika itu.

Semasa negeri Melaka diperintah oleh Raja Kecil Besar (1424-1444M) iaitu raja ketiga, baginda telah berjaya diislamkan oleh seorang makhdum dari Jeddah yang bernama Sayid Abd al-Aziz dan menukar nama kepada Sultan Muhammad Syah. Sayid Abd al-Aziz kemudian dilantik menjadi kadi pertama di Melaka dan jawatan ini diperturunkan kepada generasinya seperti Kadi Yusuf di zaman Sultan Mansur Syah (1456 – 1477). (Dalam proses islamisasi di Kepulauan Melayu ini juga tidak dapat dinafikan peranan golongan sayid dari Hadramaut yang mempunyai pengaruh mazhab Shafii selepas tahun 929M. Golongan sayid Hadrami ini dikatakan mula datang pada sekitar abad ke-16 sehingga abad ke-20-an. Walaupun kelihatan seolah kegiatan dakwah hanya dijalankan oleh orang asing sahaja, sebenarnya sejak abad ke-16 dan ke-17, peranan tersebut mulai diambil alih oleh tokoh-tokoh tempatan. Malah pada masa ini telah berlaku hubungan di antara ulama Alam Melayu dengan Tanah Arab bahkan hasil dari kemajuan perkapalan, semakin ramai penganut Islam dari Alam Melayu pergi ke Mekah menunaikan haji dan terdapat di kalangan mereka yang kemudiannya bermastautin di sana untuk mendalami ilmu agama. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990). Ini menunjukkan pada tahap ini Islam telah tersebar secara meluas di Alam Melayu sehingga penduduk tempatan sendiri bertindak sebagai pengembang dakwah Islam.

Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa terdapat bukti bahawa interaksi secara langsung di antara orang Arab dan Parsi dengan penduduk Alam Melayu telah berlaku sejak zaman pra-Islam dan berterusan selepas pengislaman mereka sehingga Islam dianuti dengan meluas. Selain dari hujah-hujah di atas, terdapat juga catatan sejarah tempatan yang boleh dijadikan sandaran di dalam memperkuatkan teori Islam ke rantau Alam Melayu ini dari Tanah Arab dan Parsi. Antaranya buku Sejarah Melayu menyebut bahawa raja Melaka, Parameswara telah diislamkan oleh Sheikh Abd al-Aziz seorang ulama dari Jeddah dan menukar namanya kepada Megat Iskandar Syah atau Sultan Muhammad Ahah. (Azam Hamzah, 1997). Bukti lain ialah persamaan mazhab Shafii di kalangan penduduk Alam Melayu dengan penduduk Yaman, tulisan jawi yang berasaskan tulisan Arab/Parsi digunakan dengan meluas, nama-nama gelaran pendakwah seperti Sheikh dan Sharif serta gelaran yang dipakai raja-raja Melayu seperti Malik dan Sultan adalah jelas berunsurkan Arab, nama-nama umum penganut Islam di alam Melayu seperti Saleh, Zahir, Tahir dan sebagainya mempunyai persamaan nama di Yaman dan Mesir, cara pembacaan al-Quran masyarakat tempatan yang jelas menampakkan persamaan bacaan di Yaman dan Mesir, hasil-hasil kesusasteraan yang tersebar di Alam Melayu seperti Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, Hikayat Nabi Bercukur dan sebagainya jelas menampakkan pengaruh kesusasteraan Arab, bahasa Melayu banyak meminjam perkataan Arab dan sebagainya menjadi hujah kuat bahawa Islam di rantau ini dibawa sendiri oleh para pendakwah dari Arab/Parsi. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990; lihat juga S.M. Naquib, 1972)

Walaubagaimanapun dakwaan ini tidaklah bermakna menafikan langsung peranan pendakwah berbangsa lain seperti dari India dan China dalam proses islamisasi di rantau Melayu ini apatah lagi kita memaklumi bahawa di kalangan pendakwah Islam dari India dan China itu juga terdiri dari pedagang-pedagang Arab. Namun peranan mereka ini terkemudian dari pendakwah Arab dan Parsi iaitu sekitar abad ke-13 dan 14 yang jika dilihat dalam teori Islam dari Arab/Parsi ianya berlaku di tahap ketiga iaitu tahap penyebaran Islam secara meluas di Alam Melayu.

Justeru itu dapatlah disimpulkan di sini bahawa penyebaran Islam di rantau ini dilakukan oleh semua penganut Islam yang sampai ke rantau ini tanpa mengira samada mereka terdiri dari kalangan para pedagang, pendakwah atau ahli-ahli sufi.

### **FAKTOR PEMANGKIN ISLAMISASI DI ALAM MELAYU**

Terdapat beberapa faktor pemangkin islamisasi di Alam Melayu. Faktor yang utama ialah keunggulan dan kemurniaan Islam. Ajaran Islam bersifat syumul dan menepati keperluan manusia kerana ianya datang dari Pencipta Yang Maha Agung iaitu Allah SWT. Penerimaan yang terbatas di kalangan penduduk Alam Melayu pada peringkat awal penyebaran Islam bukanlah kerana mereka tidak berminat dengan ajaran Islam tetapi kerana tiada interaksi yang menyeluruh dengan penduduk tempatan. Setelah pengaruh Islam meluas, Islam diterima baik oleh masyarakat tempatan kerana ajarannya mudah difahami dan bersesuaian dengan naluri fitrah manusia. (Azam Hamzah, 1997) Ia bukannya sebuah agama yang kompleks seperti Buddha dan Hindu yang hanya dapat difahami oleh golongan tertentu sahaja (sami dan pendeta). Konsep keesaan Allah SWT menarik minat penduduk di sini dan mereka memperolehi kepuasan kerana dapat menyembah Tuhan secara terus dan di mana sahaja tidak seperti sebelumnya. Kerasionalan Islam dalam semua bidang samada sosial, ekonomi dan politik menarik minat penduduk di sini. (Mahayuddin Hj. Yahaya, 1996) Anjuran konsep persamaan antara semua manusia dalam Islam membebaskan mereka dari belenggu perhambaan kepada sesama manusia. Selain itu ajaran Islam yang menjamin keadilan tanpa mengira status manusia bukan sahaja berjaya menarik masyarakat Melayu menganutinya tetapi juga mengembalikan harga diri mereka yang telah sekian lama dibelenggu dengan sistem kasta ajaran Hindu. (Azam Hamzah, 1997)

Faktor berikutnya ialah peranan pembesar/pemimpin. Kesan dari doktrin dewaraja yang dibawa oleh agama Hindu sebelum kedatangan Islam, menjadikan konsep kesetiaan kepada pemerintah yang dikenali sebagai daulat dan derhaka sebati dalam kalangan masyarakat. Ini menyebabkan mereka turut memeluk Islam apabila pemerintah atau raja mereka memeluk Islam. Perkara ini dapat dilihat dengan pengislaman rakyat di Melaka, Kedah dan Patani. Sejarah Melayu mengesahkan bila Raja Kecil Besar memeluk Islam, rakyatnya pun turut sama. Begitu juga cerita Hikayat Merong Mahawangsa mengenai pengislaman Kedah dan Hikayat Patani mengenai pengislaman Patani. (Mahayuddin Hj. Yahaya, 1996)

Faktor perkahwinan juga menyumbang di dalam penyebaran Islam di rantau ini. Perkahwinan yang berlaku ialah di antara pedagang Islam dengan penduduk tempatan di mana wanita tersebut telah diislamkan terlebih dahulu sebelum berkahwin dan biasanya selepas itu keluarganya turut memeluk Islam. Terdapat juga pedagang yang berkahwin dengan puteri pemerintah tempatan menyebabkan Islam lebih mudah tersebar. Selain itu terdapat juga perkahwinan di antara wanita Islam dengan lelaki bukan Islam seperti perkahwinan Megat Iskandar Shah dengan Puteri Pasai. (Mahayuddin Hj. Yahaya, 1996) Justru itu jelaslah bahawa faktor perkahwinan turut memainkan peranan penting di dalam penyebaran Islam di Alam Melayu.

Faktor seterusnya ialah politik dan penaklukan. Walaupun sejarawan Islam menolak faktor ini, sejarawan Barat tetap menganggap faktor ini sebagai faktor di dalam perkembangan Islam di Alam Melayu. Sebenarnya perperangan bukanlah satu cara untuk menyebarkan Islam walaupun secara kasar ia kelihatan begitu. Contohnya penaklukan Melaka ke atas Pahang bukanlah bertujuan untuk mengislamkan Pahang tetapi lebih kepada matlamat politik dan ekonomi kerana Pahang dikatakan kaya dengan emas. Pengislaman yang berlaku ke atas negeri yang ditakluk berlaku kerana usaha dakwah dan pedagangan antara kedua negeri tersebut lebih mudah di bawah pemerintahan yang sama. Selain itu konsep taatkan pemerintah/raja menyebabkan

mereka mudah memeluk Islam. Ini dicatatkan dalam buku Sejarah Melayu.(Mahayuddin Hj Yahaya,1996) Jelaslah di sini bahawa Islam bukanlah tersebar dengan mata pedang sebagaimana dakwaan para orientalis tetapi faktor lain sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Faktor perdagangan juga merupakan faktor pemangkin islamisasi di sini.Anjuran Rasulullah saw agar setiap umat Islam berdakwah mendorong para pedagang yang datang berdagang ke Alam Melayu turut berdakwah mengembangkan Islam. Walaupun cara ini tidak meluas dan terhad di kalangan pedagang dan kota pelabuhan sahaja tetapi ia turut meyambangkan kepada proses islamisasi di rantau Melayu ini. (Mahayuddin Hj Yahaya, 1996). Perkara ini disokong dengan catatan Marco Polo tentang pengislaman Perlak pada 1292M bahawa para pedagang Islam telah berjaya memujuk kebanyakan penduduk Perlak menganuti Islam. Selain itu peranan pegawai perdagangan dalam negeri Islam di Alam Melayu seperti peranan Syahbandar Melaka yang memberi layanan istimewa kepada pedagang Islam, menyebabkan ramai di kalangan pedagang memeluk Islam seperti pedagang dari Brunei, Ternate, Jawa dan Sulawesi. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990)

Seterusnya, pendakwahan para ulama dan ahli sufi merupakan cara penyebaran yang lebih meluas dan berkesan.Mereka telah bertindak sebagai ejen perubahan yang memperkenalkan akidah baru di Alam Melayu. Dakwah mereka dapat dijalankan dengan mudah kerana dibantu oleh sifat-sifat kerohanian yang baik serta keunggulan peribadi mereka. (Afifah Abu Yazid, 2003).

Aktiviti pendakwahan golongan ini telah berlaku di zaman pemerintahan Khalifah Umar b. Abdul Aziz di mana beliau telah menghantar pendakwah ke seluruh pelusuk termasuk Alam Melayu. Sekitar tahun 720M, baginda telah berjaya mengislamkan kerajaan Suwarnabhumi atau Melayu Jambi (San-fo-tsi) dan kemudiannya dikenali sebagai Sribuza Islam setelah menerima Islam. Pada 820M pula serombongan pendakwah yang diketuai oleh Nakhoda Khalifah telah sampai di Perlak dan berjaya mengislamkan pemimpin dan penduduk di situ. (Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990). Menjelang abad 10M berlaku pergolakan di dunia Islam yang ketika itu di bawah kerajaan Bani Abasiyyah mendorong sebilangan masyarakat Islam terutama di kalangan ahli sufi berdakwah keluar dari Tanah Arab. Merekalah memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah di Alam Melayu pada abad 13M dan selepasnya. Golongan ini menjalankan pendidikan formal yang dikenali sebagai zawiyah, khawanik dan rabt turut mengajar di masjid atau di rumah mereka apabila sampai di Alam Melayu dan akhirnya berkembang menjadi sekolah tersendiri dikenali sebagai pondok atau pesantren (di Jawa) dan dayah (di Aceh). Kesan dakwah mereka ini lahirlah ramai ulama di Alam Melayu. (Abdul Rahman Hj Abdullah 1990 , lihat juga Azhar Mad Aros et. Al 2002 )

Faktor seterusnya ialah persaingan penyebaran agama yang lebih jelas pada abad ke-16 hingga 19 kesan dari kedatangan kuasa Barat di timur. Ia juga dikuti dengan rasa perrusuhan yang berterusan di antara pengikut agama kristian dengan Islam sebagaimana yang tergambar di dalam Perang Salib. Pada abad ke-15 dan ke-16 kuasa-kuasa Barat seperti Portugis telah memulakan pelayaran mereka ke timur dan bertemu dengan kuasa Islam yang telah lama bertapak di situ sehingga melahirkan pertentangan antaranya. Malahan tindakan-tindakan Portugis yang secara terbuka melakukan penyerangan ke atas penempatan dan wilayah-wilayah Islam telah menyebabkan wujudnya pertentangan secara terbuka dengan kuasa tersebut. (Azhar Hj Mad Aros, et.al 2002) Keadaan tersebut merangsang umat Islam melipatgandakan usaha dakwah mereka dan dengan itu Islam bukan sahaja menjadi elemen penting dalam menyatupadukan seluruh umat di Alam Melayu tetapi juga slogan untuk menyeru mereka berjihad menentang kuasa penjajah Kristian.(Azam Hamzah, 1997) Persaingan

dalam menyebarkan agama Kristian dan Islam ini berterusan sebagaimana yang digambarkan dalam peristiwa penyebaran Islam di Pulau Maluku, Ternate, Sumatera (bahagian pedalaman) dan sebagainya. (Azhar Hj Mad Aros, et.al 2002)

Selain faktor-faktor di atas terdapat juga faktor lain seperti faktor penulisan dan kesusasteraan. (Azam Hamzah, 1997) Dari segala perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa penerimaan dan penyebaran Islam di rantau Alam Melayu ini didorong oleh banyak faktor. Antara yang terpenting dan paling berkesan ialah faktor ajaran Islam itu sendiri yang menjadikan penganutnya mudah menerimanya dan memahami kenapa mereka memeluk Islam dan apakah tanggungjawab mereka sebenarnya. Peranan pendakwahan turut membantu mereka agar lebih memahami tasawur Islam yang sebenar. Selain itu faktor-faktor yang lain juga tidak kurang pentingnya kerana ia saling kait mengait di antara satu sama lain.

### **KESAN DAN PENGARUH ISLAM DALAM ASPEK PENDIDIKAN DI ALAM MELAYU**

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah memberi kesan dan pengaruh yang besar bukan sahajadari aspek akidah malah seluruh gaya hidup masyarakat Melayu. Kepesatan perkembangan aspek pendidikan amat memainkan peranan penting sebagai agen perubahan tersebut kerana melaluiinya pengetahuan mengenai tasawwur Islam yang sebenar dapat difahami dan dihayati.

Setelah kedatangan Islam, masyarakat mula mengenali pendidikan formal. Para ulama yang datang menyebarkan Islam di sini sejak peringkat awal lagi telah mendirikan sekolah-sekolah pondok atau dayah untuk mengajar dan menyampaikan pendidikan Islam kepada rakyat. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996) Penyebaran ilmu berlaku terhadap semua lapisan masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa ramai rakyat jelata dan sultan di Alam Melayu begitu alim dalam bidang agama. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996). Kesannya tercetuslah revolusi celik huruf, budaya membaca dan tamadun ilmu tersebar di merata tempat.

### **Faktor Pemangkin Aktiviti Keilmuan**

Faktor utama kepesatan aktiviti keilmuan di Alam Melayu ialah peranan pemimpin. Pengetahuan agama dijadikan syarat untuk menjadi pembesar. Misalnya untuk menjadi menteri di Melaka, mereka perlu mengetahui Hukum Kanun Melaka. Begitu juga di Aceh misalnya Sultan Perlak keenam iaitu Makhdum Alaiddin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (922-946) ialah seorang alim yang bertanggungjawab mengasaskan Dayah Cot Kala. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990)

Kecenderungan sultan menguasai bidang ilmu inimendorong perkembangan aktiviti penterjemahan dan penulisan kitab. Sultan mengarahkan ulama menulis dan menterjemahkan kitab agama Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Penterjemahan ini berfungsi untuk menjelaskan ajaran Islam dan menjawab permasalahan masyarakat dari perspektif Islam. (Fairuzah Hj Basri, 2008) Misalnya menurut Ibn Batutah, Sultan Malik al-Zahir pemimpin Samudera-Pasai merupakan seorang pemerintah Islam yang paling alim dan warak dan sangat menghormati para ulama. Baginda sering dikelilingi para ulama antaranya Syarif Amir Sayyid Al-Syirazi dan Tajuddin al-Asfahani. Semasa pemerintahannya, Samudera-Pasai merupakan pusat dakwah dan pendidikan Islam utama di Kepulauan Melayu yang memainkan peranan terhadap penyebaran Islam ke kawasan lain di Nusantara termasuk Kedah, Melaka, Patani, Jawa dan Sulawesi. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Begitu juga dengan kebanyakan sultan Aceh Darulsalam terdiri dari pemimpin yang paling alim. Menurut Bustanus Salatin, Ali Riayat Syah merupakan seorang raja yang alim, mengasihi rakyat dan mencintai ulama. Di zamannya datang seorang ulama dari Mekah bernama Muhammad Azhari yang kemudian dikenali di Aceh sebagai Syeikh Nuruddin yang berperanan menyebarkan Islam di sini. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996). Selain dari itu, pemimpin Aceh Darussalam yang alim dan menyumbang kgiatan ilmu ialah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Sultan Iskandar Thani dan Sultanah Safiatuddin. Di Melaka pula sultan yang paling alim ialah Sultan Mansur Syah. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996), beliau telah mempelajari kitab Dur al-Manzum. Selain itu Sultan Mahmud Shah pula mempelajari kitab al-Luma'. (Fairuzah Hj Basri, 2008)

Peranan ulama juga memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu di Alam Melayu. Kedudukan mereka yang tinggi dalam hierarki sosial di Alam Melayu memudahkan aktiviti ilmu berkembang. Misalnya di Melaka, ulama setaraf dengan golongan pembesar atau pentadbir. Malahan apabila seorang raja gering atau tenat, taraf ulama menjadi lebih tinggi iaitu orang kedua selepas Bendahara. Kedudukan ulama di Aceh pula lebih tinggi tarafnya jika dibandingkan di Melaka di mana dia menjadi wakil sultan sementara sultan baru dilantik. Ini kerana jawatannya sebagai Kadi Malik al-Adil merupakan Jaksa Agung yang memegang hukum syarak Allah dan hukum Adat Kanun Syarak Aceh. Hubungan ulama dengan raja begitu erat sehingga di dalam Kanun Meukuta Alam disebutkan sebagai saling melengkapi. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990) Impaknya, ulama yang berpengetahuan luas dalam bidang agama ini memberi kesan dan pengaruh dalam bidang politik dan pentadbiran di Alam Melayu.

Faktor berikutnya ialah peranan institusi pendidikan. Aspek pendidikan di Alam Melayu berlaku dalam dua bentuk iaitu secara tidak formal dan formal. Dalam bentuk yang tidak formal, proses pendidikan ilmu agama berlangsung dalam bentuk perseorangan di rumah, surau serta istana, sementara dalam bentuk formal pendidikan tersebut berlangsung dalam bentuk institusi yang didirikan secara khusus untuk menyebarkan ilmu agama. Dalam masyarakat tradisional Melayu, institusi pendidikan ini dikenali sebagai pondok. (Farid Mat Zin, 2007). Ianya telah bermula sejak zaman kerajaan Perlak (840-1292M) lagi. Dikatakan pada masa ini beberapa dayah atau sekolah pondok telah dibina untuk memberi ilmu kepada rakyat tempatan. Antara dayah yang terkenal di sini ialah Dayah Bukit Ce Breek didirikan oleh Sultan Syeid Maulana Abdul Rahim Syah (864-888M) dan Dayah Cot Kala didirikan oleh Sultan Syeid Maulana Abbas Syah (888-913M)

Pendidikan jenis pondok ini kemudian bertaburan di seluruh kepulauan Melayu dengan berbagai nama. Di selatan Thailand contohnya dikenali sebagai pondok, manakala di Aceh dikenali sebagai dayah, di Minangkabau (Sumatera Barat) dikenali sebagai surau. Di Jawa pula dikenali dengan pesantren (kadangkala dipanggil pondok juga) dan di Sulawesi dikenali sebagai pengajian. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Walaupun nama-nama berbeza tetapi pada umumnya bentuk fizikal institusi ini sama. Ia mempunyai ciri-ciri yang sama atau seakan-akan sama. Pada umumnya, institusi ini mempunyai balai (tempat pengajian), rumah tok guru yang biasanya bersambung dengan balai, sebuah masjid atau surau tempat berjemaah di tengah-tengah. Biasanya beberapa rumah kecil tempat kediaman para pelajar didirikan sekeliling rumah tok guru (Mahayudin Hj Yahaya, 1996). Kemunculan sesebuah institusi pondok berkait rapat dengan kredebiliti, kepakaran dan keilmuan seseorang guru dalam selok belok agama. Subjek yang diajar adalah berhubungkait dengan agama. Ciri pertama yang membezakan dengan yang lain ialah pengajaran ilmu yang berhubungkait dengan Islam diajar dan dipelajari dalam pembacaan kitab berbahasa Arab dan jawi secara halaqah dari mula hingga akhirnya sebuah kitab. Keduanya, penuntut tidak dihadkan

umur dan harus memulakan pengajian dari peringkat bawah dan yang terakhir sumber kewangan bergantung dari sumbangan dalam bentuk sedekah, fitrah, zakat yang diberikan oleh anggota masyarakat.

Peranan penting yang dimainkan oleh institusi pondok ialah:

1. Meninggikan martabat tulisan jawi melalui penyebaran dan pembacaan kitab yang bertulisan jawi. Penggunaan kitab tersebut dalam pendidikan pondok sebagai teks telah meningkat dan meninggikan martabat tulisan jawi dalam kalangan penuntut dan penduduk setempat.
2. Menjadi institusi perantara yang menghubungkan murid pondok dan masyarakat setempat dengan Mekah dan Madinah yakni guru sesbuah pondok yang telah berpeluang belajar di Mekah dan Madinah secara tidak langsung menjadi medium perhubungan dan sumber inspirasi kepada muridnya untuk melanjutkan pelajaran di sana.
3. Menjadi institusi penyediaan kader-kader ulama tempatan dan luar negara di mana ramai lepasan pondok tempatan kemudiannya telah diiktiraf keilmuan mereka oleh masyarakat dan para pencinta ilmu.
4. Menjadi institusi pendidikan Islam berperanan sebagai tumpuan penyebaran ilmu yang berkaitan dengan Islam sama ada yang berhubungkait dengan akidah, fekah dan akhlak.
5. Menjadi tempat rujukan masyarakat setempat dalam maslah berkaitan dengan Islam. Oleh yang demikian masyarakat menaruh rasa penghormatan yang tinggi kepada tok guru dan murid mereka sehingga menghulurkan sedekah, membayar fitrah dan zakat kepada masyarakat pondok.
6. Menjadi fokus di mana kitab-kitab baru telah dihasilkan dan kitab-kitab Arab telah diterjemahkan dan diadaptasikan ke dalam bahasa Melyu. Kitab yang telah sempurna kemudiannya digunakan sebagai teks bacaan pengajian pondok di samping sebagai rujukan kepada murid mereka.

Sejarah membuktikan bahawa institusi pondok ini memainkan peranan penting dalam penyebaran ilmu Islam dan penjana semangat kepada perubahan "jiwa" masyarakat di Nusantara. (Farid Mat Zin, 2007). Institusi ini kemudian berkembang kepada institusi yang lebih moden yang dikenali sebagai madrasah pada abad ke 20M. Madrasah merupakan sekolah moden yang memberikan pendidikan ilmu yang berkaitan agama Islam dan ilmu lain seperti sejarah, matematik, geografi dan bahasa.

Di samping pengajian pondok dan madrasah, pendidikan Islam juga dijalankan di masjid yang memainkan peranan sebagai pusat pendidikan tinggi seperti Masjid Bayt al-Rahim yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Muda (1607), Masjid Bayt al-Mushahadah yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Thani (1637) dan Masjid Jami' Bayt al-Rahman yang diasaskan oleh Sultan Alauddin Mahmud Syah I (1292). Sejarah dengan tarafnya sebagai sebuah universiti, Jamiah Bayt al-Rahman mempunyai banyak fakulti yang disebut dar. (Abdul Rahman Haji Abdullah 1990 : 62)Menurut A. Hasjmy terdapat 17 buah fakulti atau dar di sini. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996). Menerusi institusi pendidikan ini, agama Islam diajar dengan lebih mendalam dan sempurna. Di samping itu ia turut melahirkan ulama dan ahli sufi tempatan yang kemudian mangantikan ulama dari luar dalam usaha penyebaran Islam. Di Aceh misalnya lahir ulama yang terkenal seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel. Manakala di Jawa pula lahir Wali Songo. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

## Kesan dan Pengaruh Perkembangan Ilmu di Alam melayu

Kegiatan ilmu di Alam Melayu memberi banyak kesan dan pengaruh dalam pelbagai aspek kehidupan tanpa mengira lapisan masyarakat di Alam Melayu. Perkara ini dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) bahawa aktiviti keilmuan di Alam Melayu ini secara keseluruhannya telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bukan sahaja di kalangan istana dan kraton tetapi juga rakyat jelata.

Kepesatan aktiviti ilmu jelas kelihatan dengan kelahiran pelbagai institusi ilmu. Institusi ilmu di Alam Melayu pada awalnya bermula di istana dan kemudian di rumah ulama. Istana sebagai institusi pendidikan hanya dikhaskan untuk sultan, keluarga diraja dan ahli istana sahaja. Di samping itu, para ulama turut membuka kelas-kelas pengajian di rumah mereka. Kelas-kelas yang dibuka bersedia menerima masyarakat tanpa kelas. Apabila kecenderungan mempelajari Islam semakin berkembang di kalangan masyarakat awam, terbinalah institusi-institusi pendidikan Islam untuk masyarakat awam. Kepelbagaian rumpun Melayu telah melahirkan pelbagai nama institusi pendidikan Islam. Walaubagaimanapun semuanya mempunyai peranan yang sama. Antaranya:

- i. Masjid – pusat ibadat dan pelbagai kegiatan masyarakat
- ii. Madrasah/meunasah – pusat pembelajaran Islam yang terkenal di Selangor, Perak dan beberapa tempat di Sumatera.
- iii. Langgar – pusat pembelajaran Islam yang terkenal di Pulau Jawa dan Kalimantan
- iv. Surau – pusat ibadat dan pelbagai kegiatan masyarakat
- v. Pondok – pusat pembelajaran Islam yang luas di Patani, selatan Thailand
- vi. Pesantren – pusat pembelajaran agama Silam yang berkembang luas di Pulau Jawa
- vii. Dayah – institusi tertinggi dalam sistem pembelajaran di Aceh. Sebelum sampai ke tahap ini, pendidikan Islam bermula di peringkat meunasah, rangkang dan balee.

Seterusnya, kesan perkembangan aktiviti keilmuan iniialah kelahiran naskhah atau manuskrip Melayu. Golongan intelek Melayu telah menghasilkan naskhah-naskhah Melayu yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat seperti perubatan, ilmu falak (astronomi), undang-undang, pemerintahan (ketatanegaraan), pertanian, pengetahuan Islam, sejarah Melayu dan kemasyarakatan. Sebagai contohnya, Kitab Tib (naskhah perubatan), Hukum Kanun Melaka (naskhah undang-undang) Bustanus Salatin (naskhah ketatanegaraan), Masa'il al-Mubtadi' li Ikhwan al-Mubtadi' (naskhah agama), pembukaan Kebun Kelapa di Pulau Kemili (naskhah pertanian) dan sebagainya. Naskhah Melayu mempunyai keunikan yang menampakkan identiti bangsa. Antaranya ia ditulis dengan tulisan Jawi yang berteraskan aksara Arab dengan penambahan aksara yang sesuai dengan bahasa Melayu. Ianya ditulis pada pelbagai bahan seperti pada daun lontar, kepingan buluh, kulit haiwan yang telah disamak, kain dan kertas. Selain itu naskhah Melayu mempunyai nilai estetika yang tinggi. Penulis dan penyalin memaparkan daya kreatif yang tinggi semasa menghasilkan karya. Ini

terbukti dengan adanya ilustrasi dan seni hias pada naskhah tersebut. (Fairuzah Hj Basri, 2008)

Kesusasteraan Melayu juga turut berkembang selain ilmu agama dengan adanya terjemahan hasil kesusasteraan Arab. Banyak hasil karya Arab yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sejak zaman Melaka lagi. Antaranya Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah. Selain itu, cerita-cerita tentang Nabi Muhammad juga banyak dituliskan ke dalam bahasa Melayu seperti Hikayat Nabi Bercukur dan Hikayat Bulan Terbelah. Antara kesusasteraan Arab yang paling popular ialah Hikayat Seribu Satu Malam. Di antara terjemahan yang teragung yang pernah dilakukan oleh ulama Melayu dalam zaman keagungan kerajaan Aceh Darulsalam ialah penterjemahan tafsir al-Quran, Anwaarut Tanzil Wa Asraarut Takwil yang diusahakan oleh Abdul Rauf al-Singkeli. Terjemahan ini dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Turjumanul Mustafie. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

Impak seterusnya ialah kemunculan ramai golongan intelektual Melayu. Antara yang paling mahsyur ialah Syeikh Rauf al-Singkeli, Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumaterani dan sebagainya. Ulama-ulama ini banyak menghasilkan karya, antara yang produktif dalam penghasilan karya berbentuk kitab jawi ialah Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Beliau telah menghasilkan lebih dari 20 kitab, antara yang terbesar ialah *Furu' al Masail* sebuah kitab fiqh yang ditulis pada 1254H/1838M.

Perkembangan aspek pendidikan juga memberi perubahan yang amat besar dalam aspek sosial di Alam Melayu. Bertitik tolak dari ilmu tauhid, setiap individu diberi harga diri kerana tiada perbezaan antara sesama manusia di sisi Allah SWT kecuali taqwa. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996). Prinsip persamaan taraf, persaudaraan dan perpaduan yang dianjurkan Islam tersebut menjadi satu slogan keramat yang melahirkan "Melayu Baru" yang mempunyai visi dan misi yang jelas. Melayu baru yang dihasilkan Islam tidak lagi menilai seseorang semata-mata berdasarkan kepada pangkat dan keturunan tetapi lebih kepada kemuliaan diri insan berasaskan keilmuan dan ketakwaan. Nilai akhlak Islam yang menggariskan batas-batas hubungan antara individu dan menentukan batas halal-haram menjadi prinsip yang diterima umum masyarakat Alam Melayu.

Ianya turut memberi kesan kepada corak kegiatan ekonomi. Prinsip halal-haram, zakat perniagaan, wakaf dan sebagainya dalam ajaran Islam ternyata telah membantu menyemarakkan perkembangan institusi keilmuan Islam serta mengangkat martabat ekonomi masyarakat Islam Alam Melayu. (Azam Hamzah, 1997)

Selain itu perubahan yang jelas selepas masyarakat Alam Melayu memahami ajaran Islam ialah aspek corak politik dan pemerintahan. Sebelum kedatangan Islam, sistem politik Alam Melayu banyak dicorakkan oleh kebudayaan Hindu-Buddha. Selepas kedatangan Islam, konsep dewaraja dari pengaruh Hindu-Buddha telah dihapuskan dan digantikan dengan konsep bahawa raja (sultan) adalah zillullah fi al-alam iaitu bayangan Allah di muka bumi ini. (Mahayudin Hj Yahaya, 1996) Mereka tidak lagi menganggap diri mereka berkuasa mutlak tetapi sebagai sultan atau khalifah yang diamanahkan Allah melindungi rakyat dan mentadbir dengan saksama. Golongan raja dan bangsawan tidak boleh memperlakukan rakyat sesuka hati tetapi mereka mula diikat dengan prinsip dan nilai keadilan. Rakyat pula telah mempunyai harga diri dan nilai nyawa. Keadilan raja yang berasaskan keadilan hukum syarak menjadi pra-syarat dan teras asas ketiaamanan rakyat. Hal ini tergambar jelas apabila rakyat Melaka menolak bakal sultannya, Raja Muhammad yang membunuh Tun Besar hanya kerana dastarnya terkena bola raga. (Azam Hamzah, 1997)

Impak dari kepesatan penyebaran ilmu Islam turut mempengaruhi aspek perundangan. Hukum Kanun Melaka umpamanya merupakan satu contoh peraturan dan hukum-hukum Islam yang cuba diterapkan ke dalam pentadbiran negara walaupun tidak sepenuhnya. Walaupun undang-undang Melaka ini masih banyak bercampur aduk dengan peraturan adat, namun pengaruh Islam jelas di dalamnya. Beberapa orang Sultan Melaka seperti Sultan Mansur dan Sultan Alauddin Riayat Syah telah cuba menjalankan pentadbiran politik Melaka mengikut undang-undang dan peraturan Islam. Begitu juga yang berlaku di Aceh, Adat Mahkota Alam atau Kanun Mahkota Alam di zaman pemerintahan Iskandar Muda misalnya berasaskan undang-undang dan hukum-hukum Islam walaupun terselit peraturan adat dan tradisi. ( Mahayudin Hj Yahaya, 1996)

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pedagang Arab telah sampai ke Alam Melayu sejak zaman pra-Islam lagi dan seterusnya berlanjutan selepas kelahiran Islam. Walaupun terdapat berbagai teori mengenai kedatangan Islam di rantau ini, teori dari Arab/Parsi adalah lebih kukuh lagi. Teori ini sebenarnya bukanlah menafikan peranan yang dimainkan oleh pendakwah dari tempat lain kerana ajaran Islam menyeru ke atas semua penganutnya agar mengembangkan Islam tanpa mengira dari mana dan bangsa apa mereka.

Penyebaran Islam di rantau ini juga mengalami beberapa tahap hingga ia berjaya tersebar ke merata pelusuk rantau ini sebagaimana yang kita saksikan kini. Dalam proses islamisasi ini terdapat beberapa faktor pemangkin yang saling berkait antara satu sama lain.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu membawa banyak perubahan dalam pelbagai aspek sehingga merubah "jiwa" dan "wajah" masyarakatnya. Kefahaman terhadap ajaran Islam yang berhasil dari kepesatan aktiviti keilmuan memberi impak dalam aspek pemikiran dan gaya hidup masyarakat tanpa mengira lapisan. Gandingan peranan yang dimainkan oleh para pemimpin dan ulama menyumbang kepada kepesatan kegiatan ilmu di sini sehingga melahirkan pelbagai institusi, para ilmuan dan karya-karya ilmiah. Pengetahuan dan kefahaman Islam yang sebenar juga memberi perubahan besar terhadap aspek sosio-budaya, ekonomi dan politik masyarakat Melayu sehingga membentuk identiti Melayu baru.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), Pemikiran Umat Islam di Nusantara, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Afifah Abu Yazid (2003), Pengajian Tamadun Asia, Edisi kedua , Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.

Azam Hamzah (1997), Islam di Rantau Alam Melayu, Selangor : Fontarz Enterprise

Azhar Hj Mad aros (2004) Tamadun Islam dan Tamadun Asia ( TITAS ), Kertas 1 dan 2, Sh